TAFHIM Online © IKIM Press

# The Visit to Non-Muslim Houses of Worship According to the Hukum Syarak and Malaysian Legal Perspectives

Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah*
harizshah@uum.edu.my
Sulaiman Fitri Ramli**
sulaiman@ikim.gov.my
Mohamed Azam Mohamed Adil***
mazamadil@ikim.gov.my

DOI: https://doi.org/10.56389/tafhim.vol18no1.1

## Abstract

This article examines the permissibility of Muslims visiting non-Muslim houses of worship from the perspectives of Islamic law and Malaysian legal provisions, especially in light of the "Let's Visit a Church" controversy. Employing a qualitative method, the study draws upon primary and secondary sources, including classical *fiqh* texts, statutes, and relevant case law. It concludes that such visits are generally permissible, depending on intention and existing legal boundaries. The concept of *fiqh al-taʿāyush* (religious understanding for peaceful coexistence) is put forth as a foundation for religious harmony in a plural society. Any such programmes should be carried out cautiously and in consultation with relevant government agencies to avoid theological confusion and ensure respect for constitutional and Shariʿah boundaries.

***Keywords:***
Malaysia, Islam, houses of worship, harmony, law, the Federal Constitution.

***Article history:***
Submission date: 27/12/2023
Received in revised form: 22/4/2024
Acceptance date: 7/6/2024
Available online: 30/4/2025

***Funding:***
This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

***Conflict of interest:***
The author(s) have declared that no competing interest exists.

***Cite as:***
Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, Sulaiman Fitri Ramli and Mohamed Azam Mohamed Adil, "The Visit to Non-Muslim Houses of Worship According to the Hukum Syarak and Malaysian Legal Perspectives," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 18, No. 1 (June 2025): 1–26.

* Doctor of Philosophy in Shariʿah and Law from the Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (APIUM). Currently as Senior Lecturer at the School of Law, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia (UUM). Areas of specialisation include jurisdictional conflicts between Shariʿah and civil law, administration of Islamic law and Shariʿah courts, and the intellectual biography of prominent figures. Contributions to this article include development of the overall framework, with particular emphasis on legal analysis and editorial input.

** Candidate in Master's degree programme in Contemporary Shariʿah at the Academy of Islamic Studies, University of Malaya (APIUM). Currently Administrative Officer (contract) at the Research Management Unit (RMU), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM). Specialised in Ḥadīth studies and comparative jurisprudence (*fiqh al-madhāhib*). Contributions to this article focus on Islamic legal reasoning based on references to classical texts (*kutub al-turāth*).

*** Holds a PhD from the School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, and is currently the Director-General of IKIM. Areas of expertise include Constitutional Law, Shariʿah-Civil Law Conflicts, Human Rights, Islamic Criminal Law, and Islamic Commercial Law (*Muʿāmalāt*). Contributed to the review and recommendations within this article.

# Kunjungan Ke Rumah Ibadat Bukan Islam Menurut Perspektif Hukum Syarak dan Undang-undang di Malaysia

Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah*
harizshah@uum.edu.my
Sulaiman Fitri Ramli**
sulaiman@ikim.gov.my
Mohamed Azam Mohamed Adil***
mazamadil@ikim.gov.my

DOI: https://doi.org/10.56389/tafhim.vol18no1.1

**Abstrak**

Artikel ini meneliti hukum kunjungan orang Islam ke rumah ibadat bukan Islam berdasarkan perspektif hukum syarak dan peruntukan undang-undang di Malaysia, khususnya susulan kontroversi "Jom Ziarah Gereja." Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif terhadap sumber primer dan sekunder termasuk kitab turath, jurnal, statut dan kes-kes berkaitan. Dapatan menunjukkan hukum asal adalah harus, tertakluk kepada tujuan ziarah dan undang-undang sedia ada. Konsep *fiqh al-taʿāyush* (*fiqh* kewujudan bersama) diketengahkan sebagai asas keharmonian antara agama dalam masyarakat majmuk. Program seumpama ini perlu dilaksanakan dengan berhati-hati serta dirujuk kepada agensi kerajaan yang berkaitan bagi mengelakkan kekeliruan akidah dan menjaga sensitiviti masyarakat pelbagai agama dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Syariah negeri.

***Kata kunci:***
Malaysia, Islam, rumah upacara, harmoni, undang-undang, Perlembagaan Persekutuan.

***Rekod artikel:***
Tarikh hantaran: 27/12/2023
Serahan penambahbaikan: 22/4/2024
Tarikh terima: 7/6/2024
Tersedia di atas talian: 30/4/2025

***Pendanaan:***
Kajian ini tidak menerima sebarang dana daripada sebarang badan dana sama ada daripada sektor awam, komersial, atau pertubuhan tidak berasaskan keuntungan.

***Konflik kepentingan:***
Penulis telah memaklumkan bahawa tidak terdapat sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak.

***Sitasi:***
Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, Sulaiman Fitri Ramli dan Mohamed Azam Mohamed Adil, "Kunjungan Ke Rumah Ibadat Bukan Islam Menurut Perspektif Hukum Syarak dan Undang-undang di Malaysia," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 18, No. 1 (Jun 2025): 1–26.

* Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Kini bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM). Bidang pengkhususan beliau ialah Konflik Bidang Kuasa Undang-undang Syariah dan Sivil, Pentadbiran Undang-undang Islam/Mahkamah Syariah dan Biografi Pemikiran Tokoh. Beliau menyumbang kepada kerangka penulisan ini secara keseluruhan terutamanya aspek undang-undang dan suntingan dalam artikel ini.

** Beliau merupakan calon Ijazah Sarjana dalam bidang Syariah Kontemporari di APIUM. Kini bertugas sebagai Pegawai Tadbir (Kontrak) di Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Bidang pengkhususan beliau ialah Ilmu Hadis dan Perbandingan Mazhab. Beliau menyumbang kepada aspek hukum syarak berdasarkan rujukan kitab turath dalam artikel ini.

*** Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah, School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London. Kini merupakan Ketua Pengarah IKIM. Bidang kepakaran beliau ialah Undang-undang Perlembagaan, Konflik Undang-undang Syariah-Sivil, Hak Asasi Manusia, Undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Transaksi Islam (Muamalah). Beliau menyumbang kepada semakan dan cadangan dalam artikel ini.

## Pendahuluan

Semenjak kemerdekaan negara pada tahun 1957 sehingga hari ini, komposisi masyarakat Malaysia masih kekal sama—iaitu terdiri daripada tiga kaum utama: Melayu (terkini 70.1%),[1] Cina (terkini 22.6%),[2] dan India (6.6%);[3] manakala komposisi agama pula ialah Islam (63.5%), Buddha (18.7%), Kristian (9.1%), dan Hindu (6.1%).[4] Jumlah terkini penduduk Malaysia dianggarkan seramai 33.7 juta orang pada suku keempat tahun 2023.[5] Ini sekali gus membentuk masyarakat majmuk dengan Melayu-Muslim sebagai majoriti dan dengan sistem dwiperundangan Sivil dan Syariah.[6] Polarisasi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan budaya ini sememangnya menjadi cabaran bagi kebanyakan negara khususnya dalam mengurus kemajmukan sosial tersebut.[7] Peristiwa hitam 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur menjadi bukti berdarah sehingga darurat diisytiharkan pada 16 Mei 1969. Peristiwa tersebut kemudiannya membawa kepada pengenalan Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970[8] bagi membentuk semula perpaduan masyarakat Malaysia yang semakin lemah rentetan tragedi berdarah tersebut agar menjadi lebih kukuh.[9]

Pada tahun 2023, isu yang berlegar sekitar program "Jom Ziarah Gereja" menimbulkan kegusaran hebat dalam kalangan masyarakat sementelahan melibatkan unsur agama dan kaum. Program "Jom Ziarah Gereja" ini merupakan inisiatif di bawah projek Artikel 11 yang diterajui oleh Impact Malaysia, iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bernaung di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Inisiatif anjuran program tersebut bertujuan membuka minda belia Malaysia tentang budaya dan kepercayaan

1. Jabatan Perangkaan Negara, "Anggaran Penduduk Semasa," 2023, 31 Julai 2022, diakses 4 April 2024, https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/current-population-estimates-malaysia----2023.
2. Ibid.
3. Ibid.
4. Jabatan Perdana Menteri Jabatan Perangkaan Malaysia, "Statistik Penduduk Mengikut Agama Tahun 2020," diakses 28 April 2023, https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/125-newsletter-infographics/344-infografik#gallerycb7652dfe1-5.
5. Bernama, "Penduduk Malaysia cecah 33.7 juta suku tahun keempat 2023," *Astro Awani*, 14 Februari 2024, diakses 4 April 2024, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penduduk-malaysia-cecah-337-juta-suku-tahun-keempat-2023-458234.
6. Andrew Harding, "Malaysia: Religious Pluralism and the Constitution in a Contested Polity," *Middle East Law and Governance* 4 (2012): 356–385.
7. Enizahura Abdul Aziz, "Harmonikan hubungan Masyarakat pelbagai kaum," *Berita Harian*, 31 Januari 2020, diakses 4 April 2024, https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/01/651403/harmonikan-hubungan-masyarakat-pelbagai-kaum.
8. Gerbang Rasmi Kerajaan Malaysia, "Rukun Negara" diakses 17 April 2023, https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30110?language=my.
9. Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah dan Ahmad Hidayat Buang, "Ahmad Ibrahim (1916–1999) dan Sudirman Arshad (1954–1992): Ikon Perpaduan Negara dalam Bidang Perundangan dan Seni Persembahan," *Jurnal Pengajian Melayu JOMAS* 33, no. 2 (2022): 1–25.

pelbagai bangsa melalui lawatan dan aktiviti sukarelawan di Lembah Klang. Kontroversi tercetus apabila program ini didakwa didalangi gerakan "Evangelist" dan mengandungi percubaan menyamaratakan agama.[10] Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, dalam kenyataannya di Dewan Rakyat mengulas bahawa program itu sebenarnya tidak membabitkan sebarang penyertaan belia Muslim dan bukannya bertujuan memberi gambaran kesamarataan semua agama yang dianuti rakyat Malaysia.[11] Oleh yang demikian, isu ini perlu difahami dan ditangani dengan baik agar pihak-pihak yang berkenaan dapat menyediakan panduan khusus berlandaskan kefahaman yang benar, terutamanya dari sudut pandang Islam, dan pendekatan yang diperlukan untuk mengharmonikan hubungan sesama ahli masyarakat.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im Mokhtar, isu ini tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, beliau membuat keputusan untuk menghormati sebarang keputusan kerajaan negeri berhubung perkara tersebut.[12] Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pula mengambil pendekatan yang tegas sepertimana yang digariskan di bawah Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor 1988 dan menegaskan bahawa "menjadi satu kesalahan bagi sebarang program dibuat bertujuan memujuk atau mempengaruhi mana-mana orang Islam untuk cenderung atau minat kepada agama bukan Islam."[13] Pendekatan tersebut diambil demi memelihara akidah umat Islam di negara ini, tertakluk kepada kawalan dan sekatan tertentu. Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, pula bertitah bahawa umat Islam di negeri Johor bebas mengunjungi rumah ibadat penganut agama lain dengan syarat tidak melibatkan diri dalam melakukan apa-apa ritual agama tersebut.[14] Titah baginda turut disokong oleh titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, dengan merujuk kepada tindakan almarhum datuk baginda, Sultan Alam Shah, yang telah terlebih

10. Mohamed Rashid Ab Razak, "'Jom Ziarah Gereja' dibimbangi timbul kekeliruan samakan semua agama," *Berita Harian*, 17 Mac 2023, diakses 19 April 2023, https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/03/1078056/jom-ziarah-gereja-dibimbangi-timbul-kekeliruan-samakan-semua-agama.
11. Zareen Humairah Sejahan, "Program Jom Ziarah bagi gereja tidak melibatkan belia Muslim," *Utusan Malaysia*, 14 Mac 2023, diakses 19 April 2023, https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/program-jom-ziarah-bagi-gereja-tidak-melibatkan-belia-muslim/.
12. Bernama, "Program 'Jom Ziarah Gereja' tertakluk kerajaan negeri—Mohd Naim," *Harian Metro*, 18 Mac 2023, diakses 19 April 2023, https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947160/program-jom-ziarah-gereja-tertakluk-kerajaan-negeri-mohd-naim.
13. Idem, "Program pengaruh umat Islam minat agama lain dilarang—MAIS," *Sinar Harian*, 17 Mac 2023, diakses 19 April 2023, https://www.sinarharian.com.my/article/250110/berita/nasional/program-pengaruh-umat-islam-minat-agama-lain-dilarang---mais.
14. New Straits Times, "Sultan Ibrahim: Muslims in Johor allowed to visit houses of worship of other faiths," *New Straits Times*, 23 Mac 2023, diakses 25 April 2023, https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/892047/sultan-ibrahim-muslims-johor-allowed-visit-houses-worship-other-faiths.

dahulu mendapatkan nasihat Mufti negeri sebelum menghadiri upacara menaiki takhta Ratu Elizabeth II pada tahun 1953.[15] Pada masa yang sama, baginda turut menekankan supaya undang-undang negeri dan persekutuan dihormati bagi melindungi agama Islam khususnya di negeri Selangor.[16] Oleh yang demikian, artikel ini menganalisis pendapat ulama *fiqh* daripada empat mazhab muktabar berdasarkan rujukan turath berkenaan hukum bagi orang Islam yang mengunjungi rumah-rumah ibadat bukan Islam. Selain itu, artikel ini juga menelusuri peruntukan undang-undang pada peringkat persekutuan dan negeri serta kes-kes mahkamah yang berkaitan.

## Analisis dari Sudut Hukum Syarak

Pada asasnya, ulama *fiqh* telahpun membahaskan hukum-hakam berkaitan perbuatan memasuki rumah ibadat bukan Islam. Terdapat perbezaan pendapat (*ikhtilāf*) dalam perbincangan ini. Secara umumnya, antara ulama yang berpandangan bahawa hukumnya haram ialah Imam Shihāb al-Dīn al-Ramlī dan Imam Ibn Ḥajar al-Haytamī yang bermazhab Shāfiʿī.[17] Sebahagian ulama mazhab Ḥanafī pula berpandangan bahawa solat di dalam gereja adalah makruh; namun, pandangan yang lebih tepat menurut Ibn Nujaym ialah *makrūh taḥrīmī*.[18] Diriwayatkan bahawa Ibn ʿAbbās, Imam Mālik, dan sebahagian ulama mazhab Shāfiʿī[19] juga memakruhkan perbuatan solat di gereja.[20] Imam al-Bahūtī yang bermazhab Ḥanbalī pula berpandangan bahawa hukum makrūh solat di dalam gereja yang mempunyai patung adalah bersandarkan sepotong hadis yang menyebutkan malaikat tidak masuk ke dalam rumah yang mempunyai patung,[21] tetapi beliau mengharuskan perbuatan memasuki gereja dan biara yang tidak

15. Upacara tersebut bertempat di gereja Westminster Abbey di London. Lihat Wong Chun Wai, "Selangor Ruler: Respect our laws," *The Star*, 26 Mac 2023, diakses 25 April 2023, https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/26/selangor-ruler-respect-our-laws.
16. Astro Awani, "Tidak salah umat Islam lawat rumah ibadat lain selagi tidak sertai upacara agama—Sultan Selangor," *Astro Awani*, 26 Mac 2023, diakses 25 April 2023, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-salah-umat-islam-lawat-rumah-ibadat-lain-selagi-tidak-sertai-upacara-agama-sultan-selangor-412606.
17. Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad al-Ramlī, *Nihāyat al-Muḥtāj*, jil. 2 (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, 2003), 63; dan Aḥmad ibn Muḥammad ibn ʿAlī ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuḥfat al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minḥāj*, jil. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2001), 239.
18. Muḥammad Amīn ibn ʿUmar, *Radd al-Muḥtār ʿalā al-Durr al-Mukhtār*, jil. 1 (Kaherah: Ḥalabī, 1966), 380; Ḥāfiẓ al-Dīn ʿAbduLlāh ibn Aḥmad ibn Maḥmūd, *al-Baḥr al-Rāʾiq Sharḥ Kanz al-Daqāʾiq*, jil. 2 (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, 1997), 56; dan Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, jil. 5 (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, 1987), 327.
19. Muḥammad Maḥfūẓ bin ʿAbduLlāh al-Tarmasī, *al-Manhal al-ʿAmīm bi Ḥāshiyah al-Manhaj al-Qawīm wa Mawhibah Dhī al-Faḍl ʿalā Sharḥ Muqaddimat Bā Faḍl*, jil. 3 (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2011), 367.
20. ʿAbduLlāh Muḥammad ibn Mufliḥ al-Maqdisī, *al-Ādāb al-Sharʿiyyah*, jil. 3 (Mansurah: Dār al-Wafāʾ, 1999), 431.
21. Manṣūr ibn Yūnus al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qināʿ ʿan Matn al-Iqnāʿ*, jil. 1 (Beirut: ʿĀlam al-Kutub, 1983), 293.

mempunyai patung,[22] manakala, menurut Ibn Qudāmah dan al-Mardawī, yang juga bermazhab Ḥanbalī, perbuatan solat di dalam gereja yang mempunyai patung adalah harus (*mubāḥ*).[23] Imam Khaṭīb al-Shirbīnī pula mengharuskan perbuatan memasuki gereja dan biara yang tidak mempunyai patung.[24]

Dalam perbahasan ini, terdapat juga ulama yang berpendapat bahawa hukum memasuki rumah upacara bergantung kepada agama rumah upacara tersebut. Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī mengharamkan tindakan memasuki rumah berhala kerana terdapat unsur maksiat dalam perbuatan tersebut, dan hal ini berbeza dengan perbuatan memasuki gereja, kuil Yahudi, dan rumah upacara Majusi.[25] Sulaymān al-Jamāl al-Azharī menyatakan bahawa perbezaan ini adalah kerana tiada penghormatan yang selayaknya untuk ditunjukkan kepada agama yang menyembah berhala kerana ketiadaan kitab pegangan dan *shubhat kitāb* (yang menyerupai kitab).[26] Menurut pandangan ini, tidak haram untuk memasuki rumah ibadat yang memiliki kitab pegangan dan *shubhat kitāb* walaupun terdapat gambar keagamaan di rumah upacara tersebut.

Berkenaan rumah upacara yang terdapat gambar keagamaan di dalamnya, sebahagian ulama Ḥanbalī[27] berpendapat bahawa solat di dalamnya adalah *makrūh* kerana dikhuatiri wujudnya unsur mengagungkan atau menghormati gambar keagamaan tersebut. Ada juga yang mengharamkan solat di dalamnya seperti yang diriwayatkan oleh sebahagian ulama mazhab Shāfiʿī. Namun, ada juga sebahagian ulama Shāfiʿīyyah lain yang mengharuskan solat di dalamnya. Bagi mengharmonikan perbezaan dua pendapat yang ketara ini, bolehlah diandaikan bahawa solat di dalam rumah upacara tersebut dibolehkan selagimana gambar yang terdapat di dalamnya digantung di tempat selain tempat solat atau dialihkan ke tempat lain, tiada unsur kebesaran,[28] dan tiada *mafsadah*—iaitu tidak meramaikan majlis mereka dan tidak menzahirkan lambang kekufuran.

Berdasarkan perbahasan *fiqh* ini, dapat disimpulkan bahawa ulama berbeza pendapat dalam menentukan hukum memasuki rumah upacara bukan Islam. Namun begitu, perbezaan ini berpunca daripada sudut pandangan *maṣlaḥah* dan *sadd al-dharīʿah* yang berbeza kerana tidak ada naṣṣ yang jelas berkenaan perkara ini. Oleh itu, bagi menetapkan hukum dalam konteks masyarakat Malaysia, konsep berinteraksi dalam masyarakat majmuk menurut kaca mata

22. Muḥammad ibn al-Khaṭīb al-Shirbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Maʿrifah Maʿāni Ālfāẓ al-Minhāj*, jil. 1 (Kaherah: Halabi, 1958), 203.
23. ʿAbdullāh ibn Aḥmad ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, jil. 8 (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 113.
24. Al-Shirbīnī, *Mughnī*, 203.
25. Shaykh al-Islām Zakariyyā bin Muḥammad al-Anṣārī, *Fatḥ al-Wahhāb bi Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb*, jil. 2 (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 123.
26. Sulaymān al-Jamal al-Azharī, *Ḥāshiyah al-Jamal ʿalā Fatḥ al-Wahhāb*, jil. 4 (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t), 435.
27. Al-Maqdisī, *al-Ādāb al-Sharʿiyyah*, 431.
28. Al-Tarmasī, *al-Manhal al-ʿAmīm*, 367.

Islam dan realiti rakyat Malaysia perlu difahami terlebih dahulu bagi mengenal pasti potensi natijah positif dan negatif terhadap umat Islam di Malaysia.

*Fiqh Kewujudan Bersama (Fiqh al-Taʿāyush)*

Islam sangat menggalakkan umatnya berkenalan dan bergaul antara satu sama lain tanpa mengira kaum dan bangsa. Allah berfirman:

> Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).[29]

Shaykh Nawawī al-Jāwī menyebutkan beberapa perkara yang perlu dicermati apabila seseorang Muslim berkawan dengan orang bukan Islam. Islam melarang penganutnya daripada berkawan dengan keredaan akan kekufurannya kerana ini berisiko membawa kepada kekufuran. Walau bagaimanapun, persahabatan tersebut tidak membawa kepada kekufuran sekiranya berasaskan keakraban atau kasih sayang semata-mata tanpa mengiktiraf kebenaran agama mereka.[30] Pun begitu, masih terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam urusan bersahabat dengan orang bukan Islam. Allah telah berfirman:

> Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Sesiapa yang melakukan (larangan) sedemikian maka tiadalah dia (mendapat perlindungan) daripada Allah dalam sesuatu apa pun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu), dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan dirinya (menyeksa kamu), dan kepada Allah jualah tempat kembali.[31]

Berdasarkan ayat di atas, Islam seakan-akan tidak membenarkan sebarang hubungan atau ruang toleransi terhadap orang bukan Islam. Pemahaman sebegini juga disokong dengan beberapa ayat al-Qur'ān yang lain yang memberi makna yang sama:

---

29. *Sūrat al-Ḥujurāt* (49):13.
30. Nawawī al-Jāwī, *Murāḥ Labīd Tafsīr al-Nawawī*, jil. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1996), 94.
31. *Sūrat Āli ʿImrān* (3):28.

> Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat kerana sesetengah mereka menjadi teman rapat kepada sesetengahnya yang lain. Sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya dia adalah daripada golongan mereka itu.[32]

> Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman dengan Allah dan hari akhirat tergamak berkasih mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang-orang yang menentang itu adalah bapa-bapa mereka, anak-anak mereka, saudara-saudara mereka, atau pun keluarga mereka.[33]

> Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu menjadi teman rapat dengan cara kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang mukmin) dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka.[34]

Namun, terdapat juga ayat al-Qur'ān yang membenarkan orang Islam berbuat baik dan bersikap adil terhadap golongan bukan Islam seperti firman Allah:

> Maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.[35]

Secara zahirnya, kelihatan seolah-olah terdapat percanggahan antara ayat-ayat al-Qur'ān di atas. Perlu diketahui bahawa Islam mengajar penganutnya untuk berkelakuan baik dan berlaku ihsan terhadap sesama manusia tanpa mengira bangsa mahupun agama. Oleh itu, bagi mengharmonikan ayat-ayat al-Qur'ān tersebut, semestinya terdapat tatacara dan batas pergaulan dan urusan antara orang Islam dengan orang bukan Islam.

Mawlānā Muftī Muḥammad Shafīʿ mengelaskan empat tahap berinteraksi dengan orang-orang bukan Islam. Empat tahap tersebut ialah *muwālāt, muwāsāt, mudārāt,* dan *muʿāmalāt*.[36] Pertama, persahabatan *muwālāt* melibatkan kasih sayang, cinta, dan persahabatan serta menuntut komitmen persahabatan

32. *Sūrat al-Māʾidah* (5):51
33. *Sūrat al-Mujādalah* (58):22.
34. *Sūrat al-Mumtaḥanah* (60):1.
35. *Sūrat Al-Mumtaḥanah* (60):8.
36. Muḥammad Shafīʿ, *Maʿārif al-Qurʾān*, peny. Muḥammad Taqī ʿUthmānī, jil. 2 (Karachi: Maktabah Maʿārif al-Qurʾān Karāchi, 2018), 65–69.

yang erat. Hubungan sebegini dibenarkan hanya sesama orang Islam. Kedua, *muwāsāt* merupakan persahabatan yang berteraskan unsur simpati, budi pekerti, dan keprihatinan yang dapat memupuk semangat tolong-menolong, saling menyokong, dan mengambil berat terhadap kesejahteraan peribadi. Islam membolehkan persahabatan sebegini terhadap orang-orang bukan Islam yang tidak memusuhi agama Islam. Bahkan, yang demikian itu merupakan akhlak terpuji yang dituntut dalam Islam. Ketiga, *mudārāt* ialah persahabatan yang hanya melibatkan pertuturan bahasa yang lembut, kemesraan adat, dan akhlak baik secara amnya. Persahabatan ini dibolehkan bagi orang Islam berhubungan dengan orang-orang bukan Islam. Bahkan, hubungan ini juga sangat digalakkan kerana merupakan akhlak terpuji yang dituntut, selain boleh menjadi wasilah dakwah, yakni dakwah melalui contoh terpuji (*da'wah bi al-ḥāl*). Tahap persahabatan yang keempat, iaitu *mu'āmalāt*, adalah berkaitan urusan jual beli, majikan, dan apa-apa sahaja yang melibatkan keperluan manusia. Persahabatan ini juga dibenarkan antara orang Islam dengan orang bukan Islam, dan perkara ini ialah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian umat Islam. Hanya sahaja batas yang ditetapkan ialah persahabatan tersebut dibenarkan selagimana tidak mengundang mudarat terhadap umat Islam—seperti berurusan jual beli senjata dengan orang bukan Islam untuk memerangi umat Islam. Kesimpulannya, menurut Mawlānā Muftī, Islam tidak membenarkan persahabatan yang mengikat erat hubungan kasih sayang secara mendalam terhadap orang bukan Islam (*muwālāt*). Pada masa yang sama, Islam juga tidak menghalang, bahkan menggalakkan, umatnya untuk menunjukkan belas kasihan, kesopanan, dan kesantunan terhadap mereka. Hubungan yang dibenarkan ini adalah atas dasar sikap mengambil berat (*muwāsāt*), budi pekerti yang mulia, diplomasi (*mudārāt*), dan keperluan manusia (*mu'āmalāt*) selagimana orang bukan Islam tersebut tidak menunjukkan permusuhan terhadap Islam dan persahabatan tersebut tidak mendatangkan mudarat kepada masyarakat Islam.

Dalam konteks Malaysia, meskipun Islam diletakkan pada tempat yang tertinggi dalam Perlembagaan Persekutuan, pada masa yang sama hak kaum dan agama lain tidak boleh didiskriminasi dan diketepikan. Ini bertepatan dengan firman Allah:

> Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat dengan takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.[37]

37. *Sūrat al-Mā'idah* (5):8.

Berlandaskan ayat ini, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah membawa konsep *fiqh al-ta'āyush* (fiqh kewujudan bersama atau *fiqh of co-existence*) dalam menjalani kehidupan bersama antara orang Islam dengan bukan Islam secara harmoni, sejahtera, dan tenteram.[38] Berdasarkan konsep ini, mereka berpandangan bahawa hukum asal perbuatan seorang Muslim memasuki rumah ibadat lain adalah harus sekiranya mempunyai tujuan yang diharuskan oleh syarak seperti berdakwah, memenuhi jemputan dialog antara agama, dan sebagainya. Namun, kehadiran sewaktu hari perayaan keagamaan mereka adalah tidak dibenarkan.[39] Seorang Muslim itu juga diharuskan untuk hadir ke majlis perkahwinan yang diadakan di gereja. Bahkan, kehadiran itu disunatkan sekiranya yang berkahwin tersebut merupakan ahli keluarga, sahabat handai atau jiran tetangga, atau jika kehadiran seorang Muslim itu mampu memberi sumbangan kepada dakwah Islam.[40]

Berkenaan hukum mengunjungi rumah upacara bukan Islam di Malaysia, tiada fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Akan tetapi, isu ini bukan baharu dan telah pun dibincangkan oleh para ulama silam seperti yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, terdapat fatwa berkenaan garis panduan orang Islam yang turut merayakan hari kebesaran agama orang bukan Islam. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005 telah membincangkan garis panduan ini. Hasil muzakarah tersebut telah memutuskan beberapa kriteria perayaan orang bukan Islam yang boleh dihadiri oleh orang Islam seperti yang berikut:

1. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam.
2. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak.
3. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh "menyentuh sensitiviti masyarakat Islam."

38. "Bayan Linnas Siri Ke-155: Konsep Fiqh al-Ta'ayush: Isu di Malaysia dan Penyelesaiannya," Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 3 Disember 2018, diakses 28 April 2023, https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2826-bayan-linnas-siri-ke-155-konsep-fiqh-ta-ayush-isu-di-malaysia-dan-penyelesaiannya.
39. Luqman Tarmizi, "Irsyad Fatwa #248: Hukum Memasuki Rumah Ibadat Agama Lain dan Menghadiri Majlis Perkahwinan Orang Kristian di Gereja," Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 8 Oktober 2018, diakses 18 April 2023, https://www.muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2647-irsyad-fatwa-248-hukum-memasuki-rumah-ibadat-agama-lain-dan-menghadiri-majlis-perkahwinan-orang-kristian-di-gereja.
40. Ibid. Lihat juga fatwa di Laman Rasmi Darul Ifta' Misriyyah, diakses 28 April 2023, http://www.al-eman.com/%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D8%A7%D9%88%D9%8A/%D8%AF%D8%AE%D9%88%D9%84%20%D8%A7%D9%84%D9%83%D9%86%D8%A7%D8%A6%D8%B3/i9504&rs&p7.

Penulis berpendapat bahawa meskipun fatwa yang dikeluarkan oleh MKI ini ialah garis panduan bagi orang Islam yang menghadiri perayaan orang bukan Islam, fatwa tersebut boleh juga digunakan dalam penyediaan garis panduan bagi kunjungan orang Islam ke rumah upacara orang bukan Islam. Sebelum isu "Jom Ziarah Gereja" berbangkit, terdapat suatu perayaan orang Jepun beragama Buddha yang disambut selama lebih daripada 500 tahun, iaitu Obon atau Bon Odori,[41] yang mencetuskan polemik dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Hal ini demikian kerana terdapat perbezaan berkenaan statusnya—sama ada perayaan tersebut sejenis ritual keagamaan atau sekadar budaya masyarakat Jepun. Justeru, peruntukan undang-undang yang relevan di Malaysia—sama ada Perlembagaan Persekutuan ataupun undang-undang Syariah negeri-negeri—perlu dirujuk dan dianalisis supaya keselarian antara hukum syarak dan undang-undang dengan realiti kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia dapat menghasilkan sebuah garis panduan kunjungan ke rumah upacara bukan Islam yang komprehensif dan menyeluruh.

## Analisis dari Sudut Peruntukan Undang-undang dan Kes-kes Mahkamah

Analisis peruntukan undang-undang ini mengambil kira dua aspek penting yang berkaitan dengan tajuk kajian, iaitu: pertama, undang-undang berkaitan pembinaan rumah upacara; dan kedua, undang-undang berkenaan kebebasan beragama menurut Perlembagaan Persekutuan dan Akta/Enakmen Undang-undang Syariah Negeri-negeri. Oleh sebab tiada kes khusus berkaitan kunjungan rumah upacara bukan Islam oleh orang Islam yang pernah dibawa dan dibicarakan di mahkamah, maka penulis membincangkan beberapa kes yang telah diputuskan di mahkamah sebagai suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan melibatkan penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam.

### *Peruntukan Undang-undang Berkaitan Pembinaan Rumah Ibadat*

Perkara 11(1) memberi lesen bagi pembinaan rumah upacara pelbagai agama di Malaysia. Perkara tersebut juga selaras dengan Perkara 3(1) yang memberi hak kepada semua agama untuk diamalkan dengan aman dan harmoni. Oleh yang demikian, tindakan membina rumah upacara juga termasuk dalam hak untuk mengamalkan ajaran agama yang dijamin oleh Perlembagaan. Selain Perkara 12(2) yang memperuntukkan aktiviti pengembangan agama Islam, Perlembagaan Persekutuan juga memberi hak bagi pengurusan kewangan pembinaan rumah upacara bukan Islam melalui Perkara 11(3). Selain Perlembagaan Persekutuan,

41. Rob Gilhooly, "Bon Odori: Symbol of the Japanese Summer," Public Relations Office Government of Japan, diakses 28 April 2023, https://www.gov-online.go.jp/eng/publicity/book/hlj/html/201910/201910_12_en.html.

peruntukan juga diberikan melalui Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Garis Panduan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan, dan Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Islam.[42] Menurut kajian yang dilakukan oleh Nurul Faezah Md Ahair dan Zuliza Mohd Kusrin, setiap agama menuntut supaya rumah upacara didirikan dengan adanya amalan-amalan yang perlu ditunaikan di rumah upacara seperti solat berjemaah dan solat fardu Jumaat (Islam), pembaptisan dan sembahyang wajib setiap Ahad (Kristian), sembahyang formal di kuil (Hindu), pembacaan kitab suci, dan khutbah dan meditasi (Buddha).[43] Namun begitu, kecuali Islam, agama-agama lain tidak menetapkan panduan bertulis secara khusus dalam kitab-kitab suci mereka, dan ini menjadi tanggungjawab badan keagamaan masing-masing untuk mengatur panduan tersebut berdasarkan ajaran agama masing-masing.[44]

*Peruntukan Undang-undang Berkaitan Kebebasan Beragama*

Perlembagaan Persekutuan

Apabila membincangkan kebebasan beragama, peruntukan utama yang dirujuk di bawah Perlembagaan Persekutuan ialah Artikel 11. Perkara 11(1) mengesahkan hak bagi setiap orang untuk menganuti dan mengamalkan agama masing-masing. Namun, ini tertakluk kepada fasal (4), iaitu perbuatan mengembangkan agama masing-masing. Perkara 11(4) memperuntukkan kuasa bagi undang-undang negeri dan undang-undang persekutuan bagi tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, dan Putrajaya untuk mengawal atau menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama-agama lain dalam kalangan orang yang menganuti agama Islam. Berdasarkan peruntukan ini, penyebaran agama selain Islam kepada orang Islam menjadi suatu kesalahan jenayah, tetapi penyebaran agama Islam kepada penganut agama lain adalah diharuskan.[45] Perkara 11(5) pula menyatakan bahawa apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang am berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam, atau prinsip moral adalah tidak dibenarkan. Hal ini

42. Nurul Faezah Md Ahair dan Zuliza Mohd Kusrin, "Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia," *Journal of Contemporary Islamic Law* 5, no. 2 (2020): 53–64.
43. Ibid.
44. Ibid.
45. Mohamed Azam Mohamed Adil, "Kebebasan Beragama dan Hukuman ke atas Orang Murtad di Malaysia," dalam *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran,* peny. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 174. Lihat juga Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 53.

bermakna mana-mana pihak yang cuba mempengaruhi orang Islam supaya menganuti kepercayaan selain agama Islam telah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman.

Tunjang bagi Artikel 11 ini ialah Perkara 3(1) yang memperuntukkan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Peruntukan yang sama juga mengiktiraf agama-agama lain untuk diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Formula aman dan damai ini bertujuan mengeratkan perpaduan antara semua lapisan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama dan budaya.[46] Namun begitu, harus diingat bahawa Islam diberikan kedudukan tertinggi dalam Perlembagaan Persekutuan kerana hanya nama agama Islam dan bukan nama agama-agama lain disebut dan dinyatakan. Perkara ini juga diperakui oleh Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah menerusi kes *Meor Atiqulrahman Bin Ishak dan lain-lain lwn Fatimah Bte Sihi dan lain-lain* (2000).[47] Beliau menyatakan bahawa Islam ibarat pokok jati yang menaungi agama-agama lain di negara ini. Oleh yang demikian, agama-agama lain hendaklah diatur suai dan dihala tuju ke arah yang menjamin pengamalan yang aman dan damai serta tidak menggugat kedudukan Islam sebagai agama utama dan tertinggi di Malaysia.

Selain itu, Perkara 12(2) juga membenarkan kerajaan untuk membelanjakan duit negara bagi pembangunan agama Islam, termasuk pembinaan masjid: "…tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam…" Selain Perlembagaan Persekutuan, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri juga diberikan kuasa untuk meluluskan undang-undang yang menyekat kebebasan beragama iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 (dimansuhkan), Akta Pertubuhan 1966, Akta Polis 1967, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Kanun Keseksaan dan Undang-undang Siber seperti Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998, dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.[48]

46. Shamrahayu Ab Aziz, "Perlembagaan Persekutuan dan Masyarakat Majmuk," dalam *Islam dan Hubungan Antara Penganut Agama*, peny. Azizan Baharuddin, Enizahura Abdul Aziz, dan Mohd Amiruddin Kamarulzaidi (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2019), 252.
47. Meor Atiqulrahman bin Ishak dan lain-lain lwn Fatimah Bte Sihi dan lain-lain [2000] 5 MLJ 375.
48. Mohamed Azam Mohamed Adil, *Khayalan atau Realiti? Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia* (Nilai: ILHAM Books, 2018), 239.

Akta/Enakmen Undang-undang Syariah

Senarai Dua Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan punca kuasa kepada negeri-negeri di Malaysia berkaitan hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam. Antara lain, senarai itu menyebut: "…mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam…." Ini bermakna, peruntukan berkaitan penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam tertakluk di bawah bidang kuasa negeri-negeri untuk menggubal dan mengkanunkannya secara khusus.

Berdasarkan dapatan kajian, hanya sepuluh negeri yang mempunyai enakmen berkaitan kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam iaitu Terengganu,[49] Kelantan,[50] Selangor,[51] Melaka,[52] Perak,[53] Kedah,[54] Pahang,[55] Negeri Sembilan,[56] Johor,[57] dan Perlis.[58] Sebaliknya negeri-negeri tiada beraja iaitu Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah, dan Sarawak masih belum mempunyai enakmen yang seumpamanya. Negeri-negeri yang belum mempunyai akta/enakmen ini perlulah mengadakannya dengan segera, manakala negeri-negeri yang sudah memilikinya boleh mengemaskini peruntukan-peruntukan yang ada supaya menjadi lebih mapan dalam menghadapi cabaran perundangan masa kini, apatah lagi pada zaman teknologi dan media sosial ini.

Mengambil contoh enakmen negeri Selangor,[59] terdapat dua seksyen yang menyediakan peruntukan berkenaan kesalahan penyebaran agama selain Islam kepada orang Islam, iaitu seksyen 5 di bawah tajuk "Kesalahan

49. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980 (Enakmen 1/1980).
50. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Ugama Bukan Islam 1981 (Enakmen 11/1981).
51. Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988 (Enakmen 1/1988).
52. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam 1988 (Enakmen 1/1988).
53. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1988 (Enakmen 10/1988).
54. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988 (Enakmen 11/1988).
55. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989 (Enakmen 5/1989).
56. Enakmen Kawalan dan Sekatan (Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam) (Negeri Sembilan) 1991 (Enakmen 9/1991).
57. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1991 (Enakmen 12/1991).
58. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Iktikad dan Kepercayaan Agama yang Bertentangan dengan Agama Islam (Sunnah Waljama'ah) 2002 (Enakmen 6/2002).
59. Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988 (Enakmen 1/1988).

mendedahkan orang belum dewasa berugama Islam kepada pengaruh ugama bukan Islam"[60] dan seksyen 6 berhubung "Kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam."[61] Jadual Seksyen 9 Bahagian I enakmen yang sama pula menyenaraikan perkataan dan perbahasaan yang tidak boleh digunakan oleh orang bukan Islam berkaitan dengan agama selain Islam seperti yang berikut.[62]

Jadual 1: Perkataan-perkataan yang tidak boleh digunakan berkaitan dengan agama bukan Islam

| | | | |
|---|---|---|---|
| Allah | Illahi | Rasul | fatwa |
| Firman Allah | wahyu | iman | imam |
| ulama | mubaligh | dakwah | Nabi |
| hadith | Syariah | Injil | Sheikh |
| ibadah | qiblat | salat | |
| Kaabah | Haji | Khalifah | |
| Kadi | Mufti | wali | |

60. Seksyen 5. Kesalahan mendedahkan orang belum dewasa berugama Islam kepada pengaruh ugama bukan Islam
    (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia menyuruh, menyebabkan, memujuk, mempengaruhi, menghasut, menggalakkan atau membiarkan seorang belum dewasa yang berugama Islam supaya—
        (a) menerima ajaran dalam mana-mana ugama bukan Islam; atau
        (b) supaya menyertai apa-apa istiadat, perbuatan menyembah atau aktiviti keugamaan mana-mana ugama bukan Islam; atau
        (c) mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang dijalankan untuk faedah mana-mana ugama bukan Islam atau yang dianjurkan atau dikelolakan oleh apa-apa badan atau institusi yang bertalian dengan mana-mana ugama bukan Islam.
    (2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.
61. Seksyen 6. Kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam
    (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia—
        (a) mengunjungi; atau
        (b) mengatur atau berusaha mengadakan suatu perjumpaan dengan; atau
        (c) dengan apa cara lain pun menghubungi, seorang berugama Islam bagi maksud mendedahkan orang berugama Islam itu kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam.
    (2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.
62. Jadual (Seksyen 9) Bahagian I dan Bahagian II Enakmen 1/1988 yang diluluskan pada 4 April 1988. Diakses 25 April 2023, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/8208a703c1cbf74a4825702e002dcfd3?OpenDocument.

Jadual 2: Ucapan yang tidak boleh digunakan oleh orang bukan Islam berkaitan dengan agama bukan Islam

| | | | |
|---|---|---|---|
| Subhanallah | Alhamdulillah | Lailahaillallah | Walillahilhamid |
| Allahu Akbar | Insyaallah | Astaghfirullahal Azim | Tabaraka Allah |
| Masyallah | Lahaula Walaquata Illabillahilaliyil Azim | | |

Kes-kes Mahkamah

Pada 15 Mac 2023, pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sendiri telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Gereja-gereja Malaysia (MGM) di Petaling Jaya, Selangor sebagai sebahagian projek Piagam Harmoni. Ini bertujuan merapatkan lagi hubungan sesama kaum dan agama merentasi fahaman politik, ideologi, dan isu-isu kontroversi seputar pluralisme, liberalisme, dan ateisme.[63] Malahan, pihak IKIM turut mengalu-alukan kedatangan pihak MGM ke IKIM bagi memahami Islam dengan lebih mendalam terutama dalam soal kemanusiaan, kesejagatan, dan nilai-nilai universal. Selain itu, sebuah Persidangan Meja Bulat Berkenaan Kunjungan Ke Rumah Ibadat Bukan Islam telah dianjurkan secara tertutup di Dewan Besar IKIM pada 11 April 2023.[64] Matlamat dan objektif persidangan tersebut bertujuan menjelaskan pandangan Islam dan aspek-aspek yang berkaitan perundangan berkenaan isu kunjungan ke rumah upacara bukan Islam, memberi kefahaman tentang apa yang dibolehkan dan dilarang dari sudut pandang Islam berkenaan isu tersebut, dan membincangkan pendekatan harmoni berkenaan isu-isu berkaitan hubungan antara penganut-penganut agama dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Disebabkan tiada kes duluan (*precedent case*) yang pernah direkodkan di mahkamah berkenaan kunjungan orang Islam ke rumah upacara bukan Islam di Malaysia, maka penulis membincangkan beberapa kes mahkamah berkaitan penyebaran agama selain Islam kepada orang Islam yang pernah dibawakan dan dibicarakan di Mahkamah Sivil. Kes-kes ini juga boleh dirujuk sekiranya terdapat percubaan pihak-pihak berkepentingan untuk cuba menghasut atau

63. Mohamed Azam Mohamed Adil dan Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, "Segera atasi isu ketegangan agama elak jadi barah perpecahan," *Berita Harian*, 23 Mac 2023.

64. IKIM ditubuhkan bagi memenuhi objektif-objektif yang sejajar dengan fungsinya sebagai sebuah institusi pemikir, antaranya menyediakan ruang bagi sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan isu-isu sejagat serta mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam berkenaan isu-isu global serta kesannya kepada masyarakat dunia. Lihat Enizahura Abdul Aziz, "Menyemai Kefahaman Islam dan Semangat Muhibah Antara Penganut Agama di Malaysia," dalam *Islam dan Hubungan Antara Penganut Agama*, peny. Azizan Baharuddin, Enizahura Abdul Aziz, dan Mohd Amiruddin Kamarulzaidi (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2019), 277.

mengajak orang Islam mengunjungi rumah upacara bukan Islam bagi tujuan dan agenda tertentu. Kes-kes berkaitan penyebaran agama selain Islam kepada orang Islam adalah seperti yang berikut:

Jamaluddin Othman

Dalam kes *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v Jamaluddin bin Othman* (1989),65 responden telah ditahan di bawah seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) kerana penglibatannya dalam mesyuarat dan seminar serta dakwaan mengkristiankan enam orang Melayu. Penglibatan responden dalam usaha menyebarkan agama Kristian dalam kalangan orang Melayu dijadikan alasan penahanannya atas dasar perbuatannya itu berpotensi menimbulkan ketegangan dan menjejaskan keselamatan negara (*could give rise to tension and enmity… and could affect national security*), menurut Menteri Dalam Negeri.[66] Mahkamah Agung (kini Mahkamah Persekutuan) memutuskan bahawa responden dibebaskan daripada tahanan kerana Menteri tidak mempunyai kuasa untuk melucutkan hak seseorang untuk menganut(i) dan mengamalkan agamanya di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan berkenaan hak kebebasan beragama. Oleh itu, perintah penahanan tersebut adalah tidak sah.

Keputusan kes di atas juga adalah selari dengan keputusan yang lebih mutakhir dalam kes *Mohd Faizal bin Musa v Menteri Keselamatan Dalam Negeri* (2018)[67] oleh Mahkamah Rayuan yang berpendapat bahawa perintah larangan yang mendakwa buku-buku perayu bertajuk *Sebongkah Batu di Kuala Berang, Karbala, Tiga Kali Seminggu,* dan *Ingin Jadi Nasrallah* berkemungkinan memprejudis ketenteraman awam memerlukan pembuktian dan potensi ancamannya dijelaskan oleh Mahkamah Tinggi. Meskipun buku-buku tersebut tidak menimbulkan isu keselamatan seperti pergaduhan atau pertelingkahan, karya-karya itu telah mewujudkan pergeseran dan perpecahan dalam kalangan masyarakat Islam kerana membawa aliran kefahaman yang berbeza dengan pegangan rasmi atau ikutan umat Islam di Malaysia yang berpegang dengan aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.[68]

65. Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v Jamaluddin bin Othman [1989] 1 MLJ 418.
66. Menteri Dalam Negeri pada masa itu ialah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (kini Tun).
67. Mohd Faizal bin Musa v Menteri Keselamatan Dalam Negeri [2018] 3 MLJ 14.
68. Ahmad Hidayat Buang, "Kekeliruan Agama Bukan Isu Keselamatan Negara?—Ulasan Kes Mohd Faizal Bin Musa (Perayu) Lawan Menteri Keselamatan Dalam Negeri (Responden) [2018] 3 MLJ 14," *Journal of Shariah Law Research* 4, no. 1 (2019): 105–112.

Lina Joy

Dalam kes *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain* (2007),[69] seorang wanita Melayu-Islam bernama Azlina Jailani mendakwa menganut agama Kristian dan telah dibaptiskan di sebuah gereja di Kuala Lumpur. Dalam kes ini, isu yang diberikan tumpuan adalah berkenaan permohonannya untuk menukar nama daripada Azlina bte Jailani kepada Lina Joy. Selain itu, plaintif juga memohon supaya perkataan "Islam" pada kad pengenalannya dipadamkan. Meskipun isu utama kes ini berkaitan kesalahan murtad dan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes keluar daripada agama Islam, aspek lain yang perlu diberi perhatian dan keutamaan juga ialah perbuatan Lina Joy itu sebenarnya tidak melanggar apa-apa peruntukan undang-undang. Hal ini kerana akta sekatan dan kawalan pengembangan agama bukan Islam bagi Wilayah-wilayah Persekutuan sehingga kini masih belum wujud. Hal ini bermaksud bahawa perbuatan menghasut, mengajak, atau mempengaruhi orang Islam bagi memeluk agama selain Islam dalam apa jua cara sekalipun tidaklah menjadi suatu kesalahan di Wilayah Persekutuan dan pesalah tidak boleh didakwa di mahkamah. Kes ini menggambarkan kepentingan undang-undang bertulis bagi mengawal kes-kes seumpamanya daripada berlaku lagi.[70]

Krishnan a/l Muthu

Dalam kes *PP lwn Krishnan a/l Muthu*,[71] mangsa/pengadu iaitu Maziah Jusoh telah berkenalan dan bercinta dengan Orang Kena Tuduh (OKT) selama tujuh tahun. OKT mempunyai seorang isteri bernama Marimuthu a/p Subramaniam. Mangsa yang tidak mempunyai tempat tinggal telah memohon kebenaran OKT dan isterinya untuk tinggal bersama. Kemudian, beberapa siri pertengkaran antara OKT dengan mangsa terjadi sehingga mengakibatkan pergaduhan fizikal. Mangsa pernah diugut agar keluar daripada agama Islam dan memeluk agama Hindu. Selain itu, mangsa pernah disuruh bersumpah dengan kuil Hindu dan pernah dilarang daripada mendirikan solat. Dua pertuduhan telah dibawa ke hadapan majistret dan OKT telah dijatuhkan hukuman bawah seksyen 4(2)(i) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam Negeri Pahang 1989 dengan hukuman denda sebanyak RM1,500 dan penjara selama 20 hari.[72]

69. Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain [2007] 4 MLJ 585.
70. Zakaria Yahya dan Mohd Al Adib Samuri, "Punca Kuasa dan Bidang Kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama Islam Berkaitan Enakmen Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam di Malaysia," *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6, no. 1 (2019): 79–101.
71. Krishnan a/l Muthu [MA 83-146-2002].
72. Mohamed Azam, *Khayalan atau Realiti?*, 235. Lihat juga Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal, "Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa dan Cabaran," *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 17 (2013): 19.

Justifikasi penulis membawakan tiga kes mahkamah seperti di atas adalah untuk membuktikan bahawa penyebaran ajaran bukan Islam kepada orang Islam di Malaysia merupakan suatu kesalahan dan boleh didakwa di mahkamah. Sekiranya terdapat sebarang unsur hasutan kepada orang Islam dalam isu kunjungan ke rumah upacara bukan Islam di Malaysia, terdapat peruntukan undang-undang yang boleh mensabitkan pihak yang menganjurkannya sebagai bersalah. Perbuatan tersebut juga berpotensi mencetuskan ketidakharmonian antara kaum dan agama. Namun, ketiadaan fatwa dan undang-undang khusus berkenaan isu ini telah menyebabkan kekaburan sama ada penganjuran demikian dibolehkan atau tidak kepada masyarakat Islam di negara ini. Oleh itu, penulis mencadangkan beberapa saranan yang perlu diambil kira dan perhatian oleh pihak-pihak berkaitan.

**Cadangan**

Masyarakat majmuk di Malaysia dengan kepelbagaian kaum, bangsa, dan agama perlu diraikan dan dihargai, bukannya dijadikan sebab untuk mencari perbezaan sehingga mengakibatkan persengketaan dan ketegangan sesama ahli masyarakat. Setiap rakyat Malaysia menikmati cuti perayaan agama-agama lain, menikmati juadah bangsa lain, dan menghormati budaya kaum lain. Sungguhpun perbuatan mengunjungi rumah upacara bukan Islam merupakan isu yang kontroversi, perbuatan sedemikian tidak wajar dijadikan polemik dan dipolitikkan sehingga mendatangkan keresahan dan ketidakharmonian dalam kalangan masyarakat. Isu tersebut perlu ditangani dengan berhati-hati secara akademik dan objektif agar jalan penyelesaian yang lebih harmoni dapat dicapai. Undang-undang perlu diselia bagi mengawal tingkah laku masyarakat bertamadun supaya lebih berdisiplin dan mengelakkan jenayah yang memudaratkan. Oleh yang demikian, penulis mencadangkan beberapa perkara supaya isu ini tidak berlarutan lagi pada masa akan datang dan dapat diselesaikan secara tuntas seperti yang berikut.

Pertama, agensi-agensi Islam seperti JAKIM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), IKIM, Pejabat Mufti, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta para agamawan dan ahli-ahli akademik perlu mencari ruang untuk duduk semeja bagi membincangkan isu ini, seterusnya mengeluarkan suatu garis panduan yang jelas dan komprehensif. Garis panduan tersebut perlu dikeluarkan oleh pihak berautoriti seperti JAKIM berkenaan adab dan peraturan bagi orang Islam untuk mengunjungi rumah upacara bukan Islam seperti keperluan adanya pengawasan oleh orang yang lebih arif dalam pengetahuan agama tersebut ketika lawatan dilakukan oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Penyediaan panduan sebegitu perlu dilakukan dengan segera dan tidak mengambil masa terlalu lama, lebih-lebih lagi tatkala kunjungan tersebut merupakan isu agama dan nasional.

Kedua, sebuah garis panduan yang jelas bagi rumah-rumah upacara bukan Islam yang menjadi hos kepada orang Islam yang datang berkunjung. Senarai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan juga perlu dinyatakan dalam garis panduan tersebut. Dilaporkan bahawa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sedang dalam proses membuat semakan terhadap Garis Panduan Orang Islam Menyambut Perayaan Bukan Muslim (Ziarah Rumah Ibadat), Ziarah Jenazah, dan Pengebumian Jenazah Bukan Muslim. Garis panduan itu dibahagikan mengikut kategori masyarakat Cina, India, Kristian, Orang Asal/ Asli, dan minoriti.73 Oleh yang demikian, semakan tersebut boleh menjadi model rujukan ke arah pembinaan garis panduan bagi negeri-negeri lain juga. Apabila garis panduan berkenaan dikeluarkan, semua negeri haruslah bersatu hati dan menerimanya untuk diguna pakai secara konsensus. Hal ini kerana perkara-perkara yang berkaitan hal ehwal Islam terletak bawah bidang kuasa negeri menurut Senarai Dua Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Justeru, pihak yang berkaitan perlu turun padang untuk memberi penerangan yang jelas berkenaan garis panduan tersebut agar dapat diterima dengan mudah dan dipersetujui bersama oleh semua negeri.

Ketiga, media cetak dan elektronik hendaklah memainkan peranan untuk menguar-uarkan garis panduan ini, selain tidak menjadikan sensasi isu-isu yang menyentuh sensitiviti agama yang berpotensi menyebabkan ketegangan dalam kalangan penganut agama-agama berbeza.

Keempat, masyarakat awam perlu diberikan kefahaman yang sebenarnya tentang isu yang berlaku. Bagi umat Islam, penjelasan dalam konteks hukum yang lima perlu dijelaskan supaya perkataan haram tidak digunakan secara sewenang-wenangnya kerana terdapat juga hukum-hukum lain menurut situasi-situasi tertentu. Bagi masyarakat bukan Islam pula, mereka perlu memahami apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh umat Islam dalam konteks kunjungan ke rumah upacara bukan Islam menurut perspektif hukum syarak dan peruntukan undang-undang di Malaysia. Setiap individu juga perlu memainkan peranan masing-masing untuk memahami dan tidak menjadi batu api apabila timbulnya isu yang berkaitan dengan sensitiviti kaum, agama, dan institusi diraja atau 3R (*race, religion, and royalty*).

## Kesimpulan

Perbuatan memasuki rumah ibadat orang bukan Islam tidak dibenarkan oleh syarak melainkan jika terdapat keperluan yang tidak dapat dicapai kecuali dengan memasukinya seperti berdakwah kepada orang bukan Islam, melaksanakan urusan pentadbiran kerajaan, dan mengenali agama mereka

73. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (Profesor Madya, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), dalam temu bual dengan penulis, 29 September 2023.

dengan niat berdakwah melalui perbandingan agama. Hal ini sebab terdapat tempat yang lebih mulia untuk dikunjungi bagi umat Islam iaitu masjid. Terdapat banyak nas yang menggalakkan umat Islam untuk mengunjungi masjid. Malah, memasukinya sahaja sudah diberikan ganjaran pahala, apatah lagi mengimarahkan masjid dengan solat lima waktu secara berjemaah. Pun begitu, kegiatan memasuki rumah ibadat bukan Islam tersebut disarankan bagi pihak-pihak tertentu sahaja, misalnya yang terlatih dalam bidang perbandingan agama, kerana dikhuatiri berlaku kekeliruan kefahaman akidah bagi orang-orang awam yang tidak kukuh asas akidahnya, termasuk memasuki rumah upacara hanya semata-mata untuk mengenali agama mereka yang dilarang. Rasulullah pernah menegur perbuatan ʿUmar bin al-Khaṭṭāb yang membaca kitab Tawrat.[74] Di sini isunya bukanlah berkenaan keteguhan iman kerana kekuatan iman ʿUmar bin al-Khaṭṭāb itu maklum. Namun, teguran Rasulullah boleh dilihat sebagai suatu langkah pencegahan daripada berlakunya kekeliruan dalam kefahaman agama Islam.

Namun begitu, setelah diteliti batasan interaksi dengan orang bukan Islam dan keperluan menjaga keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia melalui *fiqh taʿāyush*, maka mengunjungi rumah upacara bukan Islam dengan mengambil kira pandangan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menjadi harus. Oleh yang demikian, tiga aspek penting yang perlu ditekankan berkenaan kunjungan ke rumah upacara bukan Islam ialah tujuan, tapisan, dan pengawasan. Tujuan harus jelas sepertimana yang dibenarkan syarak—diplomasi, mempamerkan akhlak mulia, dan memenuhi keperluan manusia. Tapisan wajar merangkumi aspek umur dan latar belakang pendidikan agama yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Pengawasan perlu disediakan oleh pihak berautoriti daripada kalangan pakar perbandingan agama agar minda dan pemahaman pengunjung Islam tidak dicelarukan, yang berisiko membawa kepada fahaman yang menyamakan kebenaran semua agama.

74. Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2001), no. 15156.

**Rujukan**

Ahmad Hidayat Buang. "Kekeliruan Agama Bukan Isu Keselamatan Negara?—Ulasan Kes Mohd Faizal Bin Musa (Perayu) Lawan Menteri Keselamatan Dalam Negeri (Responden) [2018] 3 MLJ 14," *Journal of Shariah Law Research* 4, no. 1 (2019): 105–112.

Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned. *Sistem Undang-undang di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

Al-Anṣārī, Zakariyyā bin Muḥammad. *Fatḥ al-Wahhāb bi Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb*. Jilid 2. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.

Al-Azharī, Sulaymān al-Jamal. *Ḥāshiyah al-Jamal ʿalā Fatḥ al-Wahhāb*. Jilid 4. t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.

Al-Bahūtī, Manṣūr ibn Yūnus. *Kashshāf al-Qināʿ ʿan Matn al-Iqnāʿ*. Jilid 1. Beirut: ʿĀlam al-Kutub, 1983.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Di Kalangan Orang Islam) (Negeri Sembilan) 1991.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Kedah Darul Aman) 1988.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Terengganu) 1980.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam (Negeri Melaka) 1988.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam (Negeri Johor) 1991.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam (Pahang) 1989.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam (Perak) 1988.

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Iktikad dan Kepercayaan Agama Yang Bertentangan Dengan Agama Islam (Sunnah Waljama'ah) (Perlis) 2002.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Ugama Bukan Islam (Kelantan) 1981.

Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) (Negeri Selangor) 1988.

Enizahura Abdul Aziz. "Harmonikan hubungan Masyarakat pelbagai kaum." *Berita Harian*, 31 Januari 2020, https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/01/651403/harmonikan-hubungan-masyarakat-pelbagai-kaum.

_____. "Mengharmonikan Hubungan Masyarakat Berbilang Bangsa di Malaysia." Laman Web Rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia. https://www.ikim.gov.my/index.php/2020/01/31/mengharmonikan-hubungan-masyarakat-berbilang-bangsa-di-malaysia/

_____. "Menyemai Kefahaman Islam dan Semangat Muhibah Antara Penganut Agama di Malaysia," Dalam *Islam dan Hubungan Antara Penganut Agama*, peny. Azizan Baharuddin, Enizahura Abdul Aziz, dan Mohd Amiruddin Kamarulzaidi (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2019).

FMT Reporters. "Penganjur tak pasti identiti 'polis' batal majlis buka puasa gereja." Free Malaysia Today, 5 Julai 2016, https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/07/05/penganjur-tak-pasti-identiti-polis-batal-majlis-buka-puasa-gereja/

Gilhooly, Rob. "Bon Odori: Symbol of the Japanese Summer." Public Relations Office Government of Japan. https://www.gov-online.go.jp/eng/publicity/book/hlj/html/201910/201910_12_en.html.

Harding, Andrew. "Malaysia: Religious Pluralism and the Constitution in a Contested Polity," *Middle East Law and Governance* 4 (2012): 356–385.

Al-Haytamī, Aḥmad ibn Muḥammad ibn ʿAli ibn Ḥajar. *Tuhfat al-Muhtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. Jilid 1. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2001.

Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal. "Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa dan Cabaran," *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 17 (2013): 13–36.

Ibn Aḥmad ibn Qudāmah, ʿAbdullāh. *Al-Mughnī*. Jilid 8. Beirut: Dar al-Fikr, 1994.

Ibn Ḥanbal, Aḥmad. *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2001.

Ibn Maḥmūd, Ḥāfidh al-Dīn ʿAbdullāh ibn Aḥmad. *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*. Jilid 2. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1997.

Ibn Taymiyyah. *Al-Fatāwā al-Kubrā*. Jilid 5. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1987.

Ibn ʿUmar, Muḥammad Amīn. *Radd al-Muḥtār ʿalā al-Durr al-Mukhtār*. Jilid 1. Kaherah: Ḥalabī, 1966.

Ida Lim, "PJ church nixes interfaith 'buka puasa' after police report lodged." *MalayMail*, 1 Julai 2016. https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/07/01/pj-church-nixes-interfaith-buka-puasa-after-police-report-lodged/1153451

Jabatan Perdana Menteri Jabatan Perangkaan Malaysia, "Statistik Penduduk Mengikut Agama Tahun 2020." https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/125-newsletter-infographics/344-infografik#gallerycb7652dfe1-5

Jadual (Seksyen 9) Bahagian I dan Bahagian II Enakmen 1/1988 yang diluluskan pada 4 April 1988. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/8208a703c1cbf74a4825702e002dcfd3?OpenDocument

Krishnan a/l Muthu [MA 83-146-2002].

Laman Rasmi Darul Ifta' Misriyyah. http://www.al-eman.com/%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D8%A7%D9%88%D9%8A/%D8%AF%D8%AE%D9%88%D9%84%20%D8%A7%D9%84%D9%83%D9%86%D8%A7%D8%A6%D8%B3/i9504&rs&p7

Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain [2007] 4 MLJ 585.

Luqman Tarmizi, "Irsyad Fatwa #248: Hukum Memasuki Rumah Ibadat Agama Lain dan Menghadiri Majlis Perkahwinan Orang Kristian di Gereja." Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 8 Oktober 2018. https://www.muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2647-irsyad-fatwa-248-hukum-memasuki-rumah-ibadat-agama-lain-dan-menghadiri-majlis-perkahwinan-orang-kristian-di-gereja.

"Majlis Buka Puasa Di Gereja Dibatalkan Selepas Laporan Polis Dibuat." *MStar*, 2 Julai 2016.

Al-Maqdisī, 'AbduLlāh Muḥammad ibn Mufliḥ. *Al-Ādāb al-Shar'iyyah*. Jilid 3. Mansurah: Dār al-Wafā', 1999.

Meor Atiqulrahman Bin Ishak dan lain-lain lwn Fatimah Bte Sihi dan lain-lain [2000] 5 MLJ 375.

Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v Jamaluddin bin Othman [1989] 1 MLJ 418.

Mohamed Azam Mohamed Adil dan Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah. "Segera atasi isu ketegangan agama elak jadi barah perpecahan." *Berita Harian*. 23 Mac 2023.

Mohamed Azam Mohamed Adil. "Kebebasan Beragama dan Hukuman ke atas Orang Murtad di Malaysia," Dalam *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, peny. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

_____. "Salah faham status Malaysia negara Islam, sekular perlu diperbetulkan." *Berita Harian*, 29 Mac 2023. https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/03/1083225/salah-faham-status-malaysia-negara-islam-sekular-perlu.

_____. *Khayalan atau Realiti?: Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia*. Nilai: ILHAM Books, 2018.

Mohamed Rashid Ab Razak. "'Jom Ziarah Gereja' dibimbangi timbul kekeliruan samakan semua agama." *Berita Harian*. 17 Mac 2023. https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/03/1078056/jom-ziarah-gereja-dibimbangi-timbul-kekeliruan-samakan-semua-agama.

Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah dan Ahmad Hidayat Buang. "Ahmad Ibrahim (1916–1999) dan Sudirman Arshad (1954–1992): Ikon Perpaduan Negara dalam Bidang Perundangan dan Seni Persembahan." *Jurnal Pengajian Melayu—JOMAS* 33, no. 2 (2022): 1–25.

Mohd Faizal bin Musa v Menteri Keselamatan Dalam Negeri [2018] 3 MLJ 14. https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/07/02/majlis-buka-puasa-gereja-dibatalkan.

Al-Shirbīnī, Muḥammad ibn al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Ālfāẓ al-Minhāj*. Jilid 1. Kaherah: Halabi, 1958.

Muḥammad Shafī'. *Ma'ārif al-Qur'ān*, peny. Muḥammad Taqī 'Uthmānī. Jilid 2. Karachi: Maktabat Ma'ārif al-Qur'ān Karāchi, 2018.

Al-Jāwī, Nawawī. *Murāḥ Labīd Tafsīr al-Nawawī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996.

Nurul Ain Mohd Hussain. "Isu Gereja: PAS Selangor Desak JAIS Segera Dakwa Pihak Yang Terlibat." *MStar*. 26 Ogos 2011. https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/08/26/isu-gereja-pas-selangor-desak-jais-segera-dakwa-pihak-yang-terlibat.

Nurul Faezah Md Ahair dan Zuliza Mohd Kusrin. "Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia," *Journal of Contemporary Islamic Law* 5, no. 2 (2020): 53–64.

Official Portal Ministry of Economy Department of Statistics Malaysia. "Current Population Estimates, Malaysia 2023." 31 Julai 2022, https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/current-population-estimates-malaysia----2023.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. "Bayan Linnas Siri Ke-155: Konsep Fiqh al-Ta'ayush: Isu di Malaysia dan Penyelesaiannya." https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2826-bayan-linnas-siri-ke-155-konsep-fiqh-ta-ayush-isu-di-malaysia-dan-penyelesaiannya

"Penduduk Malaysia cecah 33.7 juta suku tahun keempat 2023." *Bernama*, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penduduk-malaysia-cecah-337-juta-suku-tahun-keempat-2023-458234.

Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia Kementerian Perpaduan Negara. "Suruhanjaya Perlembagaan REID." Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia Kementerian Perpaduan Negara, http://www.arkib.gov.my/web/guest/suruhanjaya-perlembagaan-reid3.

Portal Rasmi Kerajaan Malaysia. "Rukun Negara." Portal Rasmi Kerajaan Malaysia, https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30110?language=my.

"Program 'Jom Ziarah Gereja' tertakluk kerajaan negeri—Mohd Naim." *Harian Metro*, https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947160/program-jom-ziarah-gereja-tertakluk-kerajaan-negeri-mohd-naim

"Program pengaruh umat Islam minat agama lain dilarang—MAIS." *Sinar Harian*, https://www.sinarharian.com.my/article/250110/berita/nasional/program-pengaruh-umat-islam-minat-agama-lain-dilarang---mais

Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad. *Nihāyat al-Muḥtāj*. Jilid 2. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2003.

Shamrahayu Ab Aziz. "Perlembagaan Persekutuan dan Masyarakat Majmuk," Dalam *Islam dan Hubungan Antara Penganut Agama*, peny. Azizan Baharuddin, Enizahura Abdul Aziz, dan Mohd Amiruddin Kamarulzaidi. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2019.

"Sultan Ibrahim: Muslims in Johor allowed to visit houses of worship of other faiths." *New Straits Times*, 23 Mac 2023, https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/892047/sultan-ibrahim-muslims-johor-allowed-visit-houses-worship-other-faiths.

Al-Tarmasī, Muḥammad Maḥfūẓ bin ʿAbduLlāh. *Al-Manhal al-ʿAmīm bi Ḥāshiyah al-Manhaj al-Qawīm wa Mawhibah Dhī al-Faḍl ʿalā Sharḥ Muqaddimat Bā Faḍl*. Jilid3. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2011.

"Tidak salah umat Islam lawat rumah ibadat lain selagi tidak sertai upacara agama—Sultan Selangor." *Astro Awani*, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-salah-umat-islam-lawat-rumah-ibadat-lain-selagi-tidak-sertai-upacara-agama-sultan-selangor-412606.

Wong Chun Wai. "Selangor Ruler: Respect our laws." *The Star*. 26 Mac 2023. https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/26/selangor-ruler-respect-our-laws.

Zakaria Yahya dan Mohd Al Adib Samuri. "Punca Kuasa dan Bidang Kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama Islam Berkaitan Enakmen Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam di Malaysia." *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6, no. 1 (2019): 79–101.

Zareen Humairah Sejahan. "Program Jom Ziarah bagi gereja tidak melibatkan belia Muslim." *Utusan Malaysia*. 14 Mac 2023. https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/program-jom-ziarah-bagi-gereja-tidak-melibatkan-belia-muslim/.